

21 FEB 1998

Mahathir-PPP

TOLAK ANGGAPAN JAWATAN DALAM PARTI BOLEH BAWA KEKAYAAN

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta anggota-anggota parti komponen Barisan Nasional menolak anggapan bahawa jawatan dan kedudukan dalam parti boleh memberi peluang mengejar kekayaan.

"Jika anggota-anggota parti asyik bercakaran kerana percaya tempat atau jawatan dalam parti boleh memberi pulangan besar, alamatnya porak-perandalah parti itu," katanya ketika merasmikan perhimpunan agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (Baru) di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata keadaan malang itu akan menjadi bertambah buruk jika pemimpin cuba meletakkan penyokong atau orang kesukaan di tempat tertentu.

Beliau berkata penukaran pemimpin hendaklah dilakukan secara teratur dan bijak memandangkan jawatan atau kedudukan dalam mana-mana parti datang bersama tanggungjawab dan amanah yang besar.

Katanya mungkin ramai orang yang boleh mendapat jawatan tetapi tidak boleh melaksanakan tanggungjawabnya seperti yang diharapkan yang sekaligus menjadikan urusan memilih pemimpin sia-sia.

"Kita tidak nafi bahawa adakalanya pemimpin perlu ditukar tetapi penukaran hendaklah dilakukan secara teratur dan bijak.

"Kata perpatah Melayu, urusan penukaran pemimpin hendaklah seperti menarik rambut dalam tepung, rambut dikeluarkan tanpa tepung berkecamuk. Apa gunanya pemimpin baru yang kononnya lebih baik jika parti yang hendak dipimpin olehnya hancur berkecai," katanya.

Dr Mahathir berkata parti-parti yang asyik dengan politik dalaman akan lalai dan lupa tanggungjawab mereka yang sebenar.

"Apakah makna perjuangan jika kemenangan atau kekalahan dalam pemilihan parti menyebabkan perjuangan parti tidak berhasil?" tanya beliau.

Perdana Menteri berkata anggapan bahawa jawatan atau kedudukan dalam parti boleh memberi peluang mengejar kekayaan boleh memusnahkan kerajaan, parti dan negara.

Beliau menasihatkan setiap anggota parti komponen BN sentiasa beringat semasa memilih pemimpin mereka.

"Pilihlah mereka yang boleh memimpin kita ke arah kebaikan dan bukan yang boleh menguntungkan diri kita sendiri. Ingatlah bekerja atau berkhidmat dalam parti adalah suatu perjuangan yang memerlukan pengorbanan amat besar.

"Kita jangan mengharapkan sebarang balasan kerana kita mungkin kecewa apabila harapan tidak tercapai," katanya.

Perdana Menteri juga berkata masalah parti politik tidak boleh diselesaikan melalui undang-undang.

Katanya jika undang-undang menentukan kepimpinan parti tetapi kepimpinan itu tidak diestuai oleh majoriti, ianya tidak akan berwibawa.

Undang-undang boleh mengharam atau mengesahkan sesebuah parti politik, tetapi jika majoriti anggota mahu parti itu dikekalkan, keputusan mengikut undang-undang tidak akan menghasilkan apa-apa.

"Ingatlah yang menyebabkan parti politik wujud ialah kesanggupan anggota-anggota menerimanya sebagai alat sesuatu perjuangan. Jika perjuangan ini diganti dengan kepentingan pemimpin tertentu, maka sokongan pada parti akan hilang dan pemimpin tidak mempunyai parti untuk dipimpin," katanya

Dr Mahathir gembira kerana PPP telah berkembang maju dan berupaya mengatasi masalah yang dihadapinya dengan baik dan berharap masalah

kepimpinan PPP tidak akan "menghantuinya" lagi.

"Jika parti-parti komponen BN lemah, maka lemahlah kerajaan kita. Dengan kelemahan itu, kita boleh dijajah semula," katanya.

Beliau berkata masalah dalaman parti komponen BN perlu diselesaikan secara bijaksana dan ia tidak perlu didedahkan kepada orang luar kerana wujud mekanisme masing-masing untuk menyelesaikan sebarang perselisihan.

"Pendekatan ini penting untuk menjamin BN bukan saja ternampak sentiasa utuh tetapi benar-benar kukuh. Kepentingan peribadi hendaklah diketepikan. Kejayaan bagi diri sendiri yang menyebabkan parti rosak tidak bermakna. Rosaknya parti maka rosaklah kita," katanya.

Menyentuh kegawatan ekonomi sekarang, Dr Mahathir berkata walaupun penurunan nilai mata wang telah menyebabkan banyak masalah menimpa negara, rakyat bernasib baik kerana keadaan dalam negara terus tenang.

"Sebenarnya jika huru-hara sosial dan rusuhan politik menyusuli kegawatan ekonomi, keadaan ini akan disalahkan sebagai sebab kenapa kegawatan ekonomi menjadi teruk.

"Dengan itu semua pihak akan lupa bahawa sebenarnya kegawatan ekonomi bermula dan disebabkan oleh penurunan nilai mata wang yang sengaja dibuat oleh pihak asing," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

MAM AZZ RON